

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS MERAIKAN DATO
Lokasi : HOTEL HILTON, PETALING JAYA
Tarikh : 30-10-1989

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Duli Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Kurshiah.

Ampun Tunku, Patik bagi pihak diri patik dan rakan-rakan daripada pertubuhan-pertubuhan wanita daripada sektor awam dan swasta yang hadir merafak sembah dan menjunjung kasih atas limpah perkenan Yang Maha Mulia Tunku berangkat menyerikan Majlis ini. Patik sekalian sungguh bertuah kerana buat pertama kalinya dapat mengadakan Majlis ini bagi meraikan kejayaan tokoh wanita dari negara kita Malaysia.

Ampun Tunku,

2. Patik mohon izin untuk berucap sepatah dua kepada para hadirin sekalian.

Yang Amat Berbahagia Tun Hajah Rahah; Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati sekalian.

3. Malam ini adalah malam yang bermakna bagi kita semua.

Kita telah datang dari jauh dan dekat untuk meraikan seorang tokoh wanita yang kita banggakan kerana telah dianugerahkan Hadiah Ramon Magsaysay atas kecemerlangannya dalam perkhidmatan Kerajaan. Dengan kejayaan ini, beliau telah menaikkan imej wanita Malaysia di kaca mata antarabangsa, dan kita semua menumpang bangga atas pengiktirafan ini.

4. Tetamu yang kita raikan, Yang Berbahagia Dato Zakiah Hanum, adalah seorang tokoh yang tidak asing lagi kepada kita. Wataknya yang peramah dan periang, sentiasa menimbulkan kelucuan dan keriang, telah membawa kepada kemesraan dengan sesiapa juga yang didampinginya. Tetapi di sebalik keriang dan kelucuan ini beliau adalah seorang yang sangat serius, tekun dan kreatif dalam bidang tugasnya.

Bidang arkib di bawah pimpinan beliau tidak lagi sama seperti dahulu atau seperti yang diamalkan di negara-negara lain. Pada hemat saya, Dato Zakiah telah membawa nafas baru dalam bidang arkib dengan membawa perubahan-perubahan seperti pengumpulan dan pengabdian sumber-sumber sejarah negara dengan menerokai kaedah-kaedah baru seperti pembinaan memorial dan siaran-siaran mengenai sejarah melalui radio dan televisyen umpamanya.

5. Kebolehan dan kebijaksanaan Dato Zakiah Hanum bukan sahaja dapat kita saksikan dalam bidang arkib, tetapi juga dalam bidang kebajikan kanak-kanak dan wanita. Sumbangan beliau untuk memajukan lagi status dan imej wanita dan kebajikan kanak-kanak tidak dapat dinafikan. Semenjak kebelakangan ini Dato Zakiah semakin giat dalam bidang seni drama dan pementasan, tidak kurang juga dalam bidang lukisan dan penulisan buku-buku.

6. Saya sendiri banyak terhutang budi kepada beliau atas bantuan dan pertolongan yang tidak ternilai dalam mengatur dan menjayakan program isteri-isteri sempena CHOGM yang baru sahaja tamat. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk Program Isteri Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel, Dato Zakiah telah dapat mengumpulkan ratusan wanita untuk menguruskan segala persiapan CHOGM. Adalah tidak mudah bagi kita untuk mengawal dan mengawasi Jawatankuasa berbagai fungsi, dan yang amat sukar ialah pemilihan pegawai-pegawai wanita yang benar-benar berkebolehan untuk mengiring dan menjaga isteri- isteri Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel. Tugas-tugas dan tanggungjawab ini telah dapat dilakukan

dengan cekap, tegas dan penuh dedikasi oleh Dato Zakiah hingga setiap kumpulan dan individu yang beliau pilih dapat menjalankan tanggungjawab dan tugas masing-masing dengan sempurna.

Memang tepat sekali pemilihan Dato Zakiah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk Program isteri-isteri CHOGM kerana beliau telah dapat menyempurnakan tugas-tugas ini dengan cemerlang. Syabas dan tahniah kepada beliau.

7. Memang kena pada tempatnya Hadiah Ramon Magsaysay tahun ini dikurniakan kepada beliau. Penganugerahan ini merupakan suatu penghormatan yang tinggi bukan sahaja kepada Dato Zakiah tetapi juga kepada kaum wanita amnya di Malaysia. Dato Zakiah adalah wanita pertama di negara ini yang dikurniakan anugerah ini. Kita semua turut berbangga dan bersyukur di atas pengurniaan ini. Kami semua ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas kejayaan cemerlang yang telah beliau capai dalam berbagai lapangan sehingga membawa kepada penganugerahan Hadiah Magsaysay ini.

Kami berharap agar kejayaan beliau akan terus meningkat dan dapat dijadikan sumber inspirasi bagi rakan-rakan seperjuangan kaum wanita keseluruhannya di negara ini.

Puan-puan sekalian,

8. Saya percaya malam ini merupakan malam yang membawa berbagai kenangan manis bagi kaum wanita. Kita berkumpul untuk meraikan tetamu kesayangan kita Dato Zakiah, yang mana kejayaannya sama-sama kita sanjung. Di samping itu juga kita berpeluang mengukuhkan lagi perhubungan sesama kita. Jarang sekali kita mendapat kesempatan bersua dan bermesra begini kerana sibuk dengan tugas masing-masing. Saya bersyukur kerana ramai kaum wanita yang mewakili berbagai pertubuhan wanita dapat berkumpul bersama pada malam ini. Kita perlu berusaha merapatkan lagi perhubungan mesra dan perpaduan antara kita -- bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Ampun Tunku,

9. Sekali lagi patik ingin menyembah junjung kasih atas perkenan Yang Maha Mulia Tunku hadir di Majlis ini. Patik mengharapkan agar Tunku terhibur bersama-sama dengan tetamu- tetamu lain.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.